



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	4/8/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	PERHILITAN			



UM, 4 Ogos
2021_21

Kerajaan menerusi Perhilitan terus mengambil tindakan proaktif apabila mendapat laporan Jawatankuasa Keselamatan Kemakmuran Kampung (JKKK) dan penduduk dengan menghalau haiwan liar ini semula ke hutan berdekatan."

NAZRINGAH



Segerakan bina pusat konservasi gajah

PENDUDUK daerah Jerantut termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar dan pentadbir kampung menggesa Kerajaan Pusat dan negeri memberhentikan pembangunan hutan di kawasan Hulu Tembeling. Ia bagi mengekalkan habitat haiwan liar sedia ada termasuk membina sebuah pusat konservasi atau santuari gajah.

Sukarelawan Bird Group Taman Negara (BGTN), **Sabri Abdullah** berkata, kerajaan perlu mewujudkan sebuah pusat konservasi gajah di luar kawasan Taman Negara seperti di kawasan hutan Hulu Tembeling.

"Sudah sampai masanya setelah lebih sedekad lalu berdepan konflik ini, kerajaan perlu mewujudkan habitat baharu dan kawasan sumber makanan gajah liar bagi mengelakkan haiwan ini terus menceroboh kampung.

"Kerajaan perlu mencontohi serta mempelajari kepakaran Thailand tentang projek konservasi gajah kerana mereka sentiasa bekerjasama dengan NGO seperti *Nature and Wildlife Association* yang berjaya mengurangkan konflik manusia

dan gajah.

"Usaha ini bukan sahaja di bidang pemuliharaan sebagai pelantar menjana sektor pelancongan, tetapi keseriusan kebanyakan penduduk luar bandar yang mempunyai aplikasi dalam talian untuk berhubung dengan pihak berkuasa dan NGO jika menjumpai gajah termasuk menjaga keselamatan dan kebajikan haiwan ini," katanya di Kuala Tahan.

Pengerusi JKCC Gol, **Abu Jamil Awang Mahmud** pula berkata, JKCC juga bersetuju dengan saranan NGO supaya diwujudkan kawasan pemuliharaan gajah di Kuala Tahan atau Hulu Tembeling bagi menyelamatkan populasi haiwan liar ini selain kerap dipindahkan ke tempat lain.

"Kami kerap berdepan masalah ini sejak PKP tahun lalu walaupun dihalau oleh renjer Perhilitan ke hutan, tetapi haiwan ini datang semula merosakkan tanaman dan secara langsung merugikan penduduk lebih lagi bergantung pendapatan dengan hasil pertanian.


"JKCC di sini pernah

memohon kerajaan supaya membina pagar elektrik antara pinggir hutan berdekatan dengan kampung ini sepanjang 10 kilometer tetapi sehingga ini belum direalisasikan dan kami bimbang ancaman ini akan berulang," katanya.

Rakannya, Pengerusi JKCC Kuala Sat, **Abdul Jabar Dolah** berkata, mengikut laporan penduduk, kawanan gajah liar ini cuma 'bersembunyi' di hutan berdekatan kampung ini kerana sebelum ini habitat haiwan ini sudah dibangunkan dengan projek pembangunan ladang yang luas pihak tertentu.

"Bagi penduduk di sini ancaman gajah liar terhadap tanaman getah dan sawit serta melihat kelibat haiwan ini di pinggir hutan merupakan 'alah bisa tegal biasa' tetapi kami menanggung kerugian berpanjangan apabila tanaman dirosakkan," katanya.

Abdul Jabar berharap, kerajaan segera mewujudkan pusat pemuliharaan gajah di Hulu Tembeling selain secara langsung memberi pengetahuan kepada generasi muda mengenai hidupan liar yang semakin pupus.



KAKITANGAN Unit Tindakan Gajah Kuala Gandah melakukan tugas-tugas pemindahan gajah di Kampung Mukim Tembeling Tengah, Jerantut.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia